

# Pengaruh Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Sabah

**BITARA**Volume 4, Issue 2, 2021: 013-031  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [The Influence of Management of Teaching and Learning Towards Teachers' Quality of Rural Primary Teachers in Sabah, Malaysia]

Normiati Batjo,<sup>1</sup> Abdul Said Ambotang,<sup>1</sup> Mohd Suhaimi Taat,<sup>1</sup> Musirin Mosin,<sup>1</sup> Abdull Sukor Shaari<sup>1</sup> & Roslee Talip<sup>1</sup>

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh dan hubungan pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PPdP) dengan kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah, Malaysia. Kajian mengaplikasikan kaedah tinjauan dengan menggabungkan teknik pensampelan kebarangkalian berstrata, kluster, dan rawak mudah. Berpandukan teknik pensampelan Cohen (2001), sampel ditetapkan sebanyak 380 orang. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi. Analisis deskriptif menunjukkan semua variabel diamalkan pada tahap tinggi. Ujian-t membuktikan terdapat perbezaan skor min yang signifikan bagi semua variabel berdasarkan jantina. Ujian Korelasi Pearson dan ujian regresi pula menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana antara variabel PPdP dengan kualiti guru.

### Kata kunci:

Pengurusan, kualiti guru, Sekolah Rendah Luar Bandar, Sabah.

### Abstract

The purpose of this study is to identify the relationship and influence of teaching and learning management (PPdP) towards the quality of rural primary school teachers in the state of Sabah, Malaysia. This study applies the survey method by combining stratified, cluster, and random sampling techniques. Based on Cohen's (2001), the sample was set at 380 people. Data were collected through a set of adapted questionnaires. Descriptive analysis showed that all variables being practiced at a high level. T-Test proved that there was a significant difference in mean score for all variables based on gender. Pearson Correlation and regression test showed that there was a moderate significant relationship between PPdP variables with teachers' quality.

### Keywords:

Management, quality of teachers, Rural Primary Schools, Sabah.

---

<sup>1</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

### Corresponding Author:

ABDUL SAID AMBOTANG, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA

\*E-mail: [said@ums.edu.my](mailto:said@ums.edu.my)

**Cite This Article:**

Normiati Batjo, Abdul Said Ambotang, Mohd Suhaimi Taat, Musirin Mosin, Abdull Sukor Shaari & Roslee Talip. 2021. Pengaruh Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Terhadap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Sabah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 13-31.

## Pengenalan

Kewujudan PPPM (2013) telah menaikkan martabat guru sebagai insan penting di sebalik kejayaan seseorang murid. Keperluan murid dapat tidak hanya bergantung pada sekolah yang mereka hadiri, tetapi bergantung pada guru yang ada dalam sekolah tersebut. Dalam bilik darjah guru bertanggungjawab sebagai pengurus, pemudahcara, pakar rujuk, penilai pendidik mahupun fasilitator. Seorang guru perlu meningkatkan keperibadian diri sebagai seorang pendidik yang berjiwa bersih dan mempunyai komitmen yang tinggi sebelum membimbing orang lain. Dengan itu, guru adalah individu yang mampu mencipta sesuatu yang berbeza dalam personaliti murid melalui pelbagai cara.

Kejayaan yang diperoleh oleh murid hari ini adalah hasil pengorbanan guru yang amat berdedikasi dalam profesion mereka. Ini kerana profesion keguruan berkait rapat dengan kualiti guru (KG). Kualiti guru adalah sinonim dengan kualiti kerja atau sifat-sifat yang dimiliki seorang yang ada dalam diri untuk mencapai daya tahan, keberkesanan, produktiviti, tanggungjawab, kecekapan dan kemahiran untuk mengajar. Penglibatan guru dalam aktiviti profesional turut memberikan kesan yang besar kepada kualiti diri. Pembangunan guru adalah aspek kritikal dan berpotensi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang seterusnya akan mendorong ke arah peningkatan komitmen individu dan pasukan kepada matlamat sekolah.

Kualiti guru menjadi isu kritikal kerana keperluan kepada penambahbaikan yang radikal dan berskala besar dalam bidang pendidikan terutamanya sekolah adalah sangat mendesak dan berlaku secara global (Hallinger, 2010). Menurut Darling-Hammond (2017), masalah pengukuran KG masa kini ialah pengukuran yang tidak dikaitkan sepenuhnya dengan kebolehan mengajar. Oleh itu, selain PdP keupayaan guru untuk mengaplikasikan kemahiran mengurus dan meningkatkan komitmen di sekolah adalah suatu yang perlu diutamakan. Perkara utama dalam melakukan penambahbaikan yang berkekalan adalah meningkatkan kualiti guru. Justeru, dalam mengecapi sebuah negara yang mempunyai pendidikan bertaraf dunia memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti diri, mengukuhkan tahap profesionalisme dan menjadikan lintasan kerjaya guru lebih menarik antara dasar yang ditekankan untuk menghasilkan kualiti guru sejajar dengan matlamat.

## Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pengaruh pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah. Objektif kajian ialah untuk:

- i. Mengetahui tahap pengurusan PdP sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.
- ii. Mengetahui kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.

- ii. Mengenal pasti perbezaan skor min kualiti guru berdasarkan demografi guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.
- iii. Mengenal pasti hubungan pengurusan PdP dengan kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.
- iv. Mengenal pasti pengaruh pengurusan PdP terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.

## Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif kajian, beberapa hipotesis *Nul* telah diterbitkan. Kajian ini menggunakan hipotesis *Nul* seperti berikut:

- Ho<sub>1</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pengurusan PdP berdasarkan jantina.
- Ho<sub>2</sub> Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan PdP dengan kualiti guru.
- Ho<sub>4</sub> Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengurusan PdP terhadap kualiti guru.

## Tinjauan Literatur

### Konsep Kualiti Guru

Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan ISO 9000 prinsip kualiti lebih tertumpu kepada kualiti sesuatu produk dan perkhidmatan serta keluaran yang dihasilkan. Guru kualiti seperti Deming (1986), Crosby (1979), dan Devid Garvin (1988) yang pada asasnya memberi takrifan yang berbeza-beza mengenai konsep kualiti yang memfokuskan kepada memenuhi kehendak pelanggan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi-5), kualiti ditakrifkan sebagai satu peringkat kebaikan atau nilai suatu pencapaian yang tinggi merujuk kepada kecemerlangan diri. Selain daripada mengukur kualiti sesuatu produk, perkhidmatan juga turut diukur. Menurut Mohd Hanifah dalam Baharom (2008) menyatakan bahawa ketetapan masa dan standard, kebolehpercayaan, mudah dicapai, ketetapan, jelas, fleksibel, sedia membantu, kepekaan, estetika dan keselesaan, kefungsiiaan, kesopanan, dan ketahanan juga disenaraikan sebagai kualiti dalam perkhidmatan. Justeru jika diinterpretasikan dalam bidang pendidikan, guru merupakan pemimpin di dalam mengurus bilik darjah (Quah, 2011). Oleh itu, wujud penambahbaikan dan kawalan oleh guru yang sentiasa mengalami modifikasi dari segi komitmen, kemahiran pengurusan, penggunaan bahan bantu mengajar dan keadaan murid mereka (Abdul Ghani, 2009).

Hasnida & Effandi (2010) berpendapat bahawa setiap pembaharuan yang berlaku memaksa masyarakat untuk berubah seiring dengan perubahan & keperluan semasa. Maka, kefahaman berhubung konsep kualiti guru perlulah jelas khususnya dalam konteks pendidikan negara. Kualiti guru sangat signifikan dalam menjayakan transformasi pendidikan negara. Perubahan dalam pendidikan menggambarkan suatu cabaran kerana memerlukan kesediaan dan tindak balas segera daripada guru. Nurahimah (2010); Taylor, Pearson, Clark & Walpole (2009) berpandangan bahawa kualiti guru dilihat berdasarkan keupayaan guru berkorban masa bagi

membantu murid dalam saiz kumpulan yang kecil khususnya yang berkaitan dengan pengurusan perancangan pengajaran dan tingkah laku murid dalam bilik darjah. Ini kerana guru adalah pemacu peningkatan perkembangan murid terutama untuk murid yang kurang berprestasi melalui pembinaan kapasiti kolektif (Monica, 2015). Strategi kerja yang sistematik, berprosedur, berpandangan jauh, dan berusaha mempersiapkan diri dengan kepelbagaian ilmu akan berupaya berdepan dengan cabaran kerja yang lebih mencabar (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015). Andrew (2016) pula menegaskan kualiti guru adalah rangkaian kemahiran pengetahuan, komitmen, pemahaman, nilai dan sikap yang membawa kepada tindakan yang berkesan dalam menghasilkan kualiti kerja yang optimum. Bagi Wang & Li Ying (2009), standard kualiti guru tercapai dengan mengaitkan keperluan pendidikan sama ada sekolah menggalakkan penguasaan pengetahuan, pembangunan keupayaan, perkembangan emosi dan sikap, serta keperluan oleh piawai kurikulum kebangsaan.

Oleh itu, pelbagai takrifan konsep berdasarkan literatur lepas dan masih belum ada kesepakatan tentang pengukuran kualiti guru (Cochran Smith, 2008). Kartini, Badariah & Ahamad (2010) dalam kajian beliau menyatakan konsep kualiti guru boleh dikategorikan kepada dua kategori yang berbeza. Pertama, seorang guru yang berkualiti mestilah mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, dan yang kedua adalah berdasarkan pengetahuan isi kandungan yang dikuasainya. Elaine (2010) bersetuju dengan pandangan mereka dan mengatakan bahawa di Amerika seorang guru yang dianggap berkualiti dan layak untuk ditugaskan di sekolah awam sekiranya mereka memiliki sijil sarjanamuda dan mempunyai persijilan negara yang dikenali sebagai lesen penuh untuk mengajar subjek akademik teras. Kedua, guru itu mestilah efektif kerana berupaya memberi impak terhadap pencapaian murid yang selalunya diukur berdasarkan keputusan ujian yang standard. Literatur yang dilakukan di Taiwan oleh Lin, Xie, Jeng & Huang (2010), mengkonsepkan kualiti guru dalam bentuk multidimensi. Antara yang diukur adalah berkaitan kompetensi profesional, personaliti, tanggungjawab pencapaian, interaksi guru-murid, dan pengendalian masalah murid.

## **Konsep Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PPdP) merupakan aspek utama dalam proses PdP. Pengurusan yang teratur dan efisien mampu menjamin keberkesanan dan seterusnya meningkatkan prestasi akademik murid. Pendekatan pengurusan PdP kontemporari cenderung melibatkan proses yang terancang berlandaskan garis panduan (Michael, 2018) yang telah ditetapkan secara kolektif oleh pihak kementerian. Oleh itu, kefahaman yang mendalam berkaitan konsep pengurusan PdP dalam konteks Malaysia perlu disemai dan dipupuk agar terus menjadi wacana kejayaan pendidikan negara.

Pengurusan PdP yang efektif amat penting di dalam merancang, mengawal, mengurus dan menyelesaikan perkara yang mempunyai kaitan dengan pengajaran dan pembelajaran murid (Cherif, Overbye & Stefurak, 2009). Pandangan yang dikemukakan oleh Santrock (2006) berkaitan konsep PPdP ialah proses mengurus pengajaran dilaksanakan dengan i) perancangan yang sistematik dengan mengenal pasti perbezaan latar belakang murid, ii) pengajaran yang dilaksanakan adalah seiring dan bersesuaian dengan apa yang telah dirancang, iii) tindakan pelaksanaan yang telah dilakukan perlulah dinilai keberkesanannya dan iv) melakukan penilaian pengajaran dan seterusnya melakukan penambahbaikan. Raedah (2013) berpendirian

bahawa konsep PPdP itu turut mengaitkan satu proses pengurusan yang menyatupadukan PdP untuk mencapai matlamat, menetapkan satu panduan khusus, mengurus pelaksanaan PdP berteraskan kepakaran dan pengetahuan, dan yang terakhir ialah kawalan aktiviti serta memantau pelaksanaan PdP berlangsung seperti yang dirancang.

Berorientasikan pandangan mereka Trianto (2009) pula menjelaskan PPdP yang berkesan merupakan satu sistem tindakan yang bertujuan untuk mengurus menggerakkan proses pengajaran. Di samping melibatkan penyusunan dan manipulasi sesuatu pengajaran terdapat rintangan atau halangan yang perlu diatasi oleh individu. Jadi, tujuan PPdP adalah memberikan pengetahuan dan kemahiran, di samping membentuk dan mengembangkan nilai yang diperlukan bagi melakukan tugas. Pengurusan PdP yang berkualiti bergantung kepada kemampuan guru mengurus rancangan episod PdP ke arah matlamat pendidikan yang dikehendaki (Kamarul, Noratikah & Mohd Faez, 2012; Nadzri & Nor Fadilah, 2017).

Strategik yang dilaksanakan di dalam pengurusan PdP mampu untuk meningkatkan minat murid untuk terus belajar seterusnya dapat mengawal tingkah laku semasa proses PdP berlangsung. Dalam kajian Celik (2011) walaupun beliau mengaitkan kompetensi di dalam kajiannya, akan tetapi turut membincangkan konsep PPdP dalam sistem pendidikan iaitu guru yang profesional perlulah mahir merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan, mewujudkan sokongan bagi mengekalkan pembelajaran, melaksanakan proses penilaian sebagai maklum balas daripada murid, melibatkan diri dalam pengajaran profesional dan menguasai isi kandungan pedagogi. Oleh itu, dengan menguasai PPdP kemampuan guru dalam melahirkan murid yang berdaya saing, bilik darjah yang ceria dan menyeronokkan akan tercapai. Gross (2012), Mohd Amin et al. (2016) & Awwad (2018), berpendirian seorang guru yang kompeten bukan sahaja menguasai kemahiran pedagogi dan pengetahuan isi kandungan malah perlu cekap dalam hal-hal pengurusan.

Subkonstruk yang terkandung di dalam perbincangan dapatan Habibah (2017) turut mempunyai kaitan tidak langsung dengan pengurusan PdP di dalam meningkatkan kualiti guru khususnya berkaitan dengan profesionalisme keguruan. Dapatan kajian beliau mendapati guru perlu menggariskan tanggungjawab di dalam merancang, melaksana, memimpin seterusnya mengawal keberkesanan tindakan. Sebagai seorang yang profesional, guru perlu memiliki sifat dedikasi, kualiti peribadi, sosial serta bersifat mazmudah di dalam profesion. Pengkaji menyedari hakikat bahawa aspek pengurusan PdP yang terdiri daripada mengurus kemahiran pedagogi seperti merancang pengajaran, penyampaian pengajaran, dan penilaian pengajaran sering mendapat perhatian pengkaji kerana ia merupakan nadi dalam proses PdP. Berdasarkan perbincangan literatur konsep pengurusan PdP, maka pengkaji telah menemui kepentingan setiap subkonstruk. Oleh itu, perbincangan lanjut adalah mengikut ketetapan subkonstruk perancangan pengajaran, pelaksanaan dan penilaian pengajaran.

## **Kerangka Konseptual Kajian**

Dalam kajian ini, kualiti guru merupakan variabel bersandar manakala pengurusan PdP adalah variabel bebas kajian. Perbincangan lanjut berkaitan variabel telah dibentuk berdasarkan sokongan model SGM (2009), Model Pengajaran Le Francois (1992) dan Model Kerangka Pengajaran (2007).

## Metode Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kuantitatif sepenuhnya dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian juga akan menggunakan kaedah yang bersesuaian serta praktikal seperti analisis korelasi dan regresi bagi mengenal pasti hubungkait antara variabel bebas dan variabel bersandar. Kajian tinjauan menggunakan sekali pemungutan data daripada suatu sampel pada satu-satu masa (Creswell, 2012). Kajian tinjauan sangat berguna apabila pengkaji hendak mengumpul data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Kaedah ini mampu untuk menjawab semua persoalan kajian dan hipotesis kajian.

Secara umumnya kajian ini adalah kajian yang berbentuk bukan eksperimental. Zamalia (2009) turut menekankan bahawa reka bentuk sesuatu kajian meliputi empat unsur iaitu perancangan bagi pemilihan sumber dan jenis informasi, suatu kerangka (*framework*) yang mengkhususkan hubungan antara variabel kajian, suatu rangka tindakan (*blue print*) yang menggariskan prosedur tertentu dan merangkumi aspek penyediaan jawapan kepada soalan-soalan berkaitan teknik pengumpulan data, jenis pensampelan yang digunakan dan cara menangani desakan masa dan kos kajian.

Sehubungan dengan itu, guru sekolah rendah luar bandar yang menerima bantuan penuh kerajaan telah dipilih sebagai populasi kajian. Manakala, penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan jadual pensampelan yang dicadangkan oleh Cohen *et al.* (2001) pada aras kepercayaan 95 peratus dengan ralat 5 peratus. Pemilihan jumlah sampel kajian pengkaji berkonsepkan apa yang dicadangkan oleh Azizi (2007) iaitu mengambil 40 peratus sampel bagi memenuhi keseluruhan populasi. Terdapat 24 buah PPD yang telah dikategorikan di negeri Sabah dengan jumlah populasi seramai 19 543 orang (380 sampel) dan dibahagikan mengikut zon masing-masing.

Pembentukan soalan-soalan dalam instrumen kajian bagi variabel pengurusan PdP mengandungi 29 item yang menghasilkan kebolehpercayaan item instrumen kajian rintis iaitu 0.943. Manakala, variabel kualiti guru mengandungi 35 item pada aras kebolehpercayaan rintis adalah 0.939. Walau bagaimanapun, selepas analisis *EFA* dilaksanakan terdapat beberapa item telah digugurkan mengikut prosedur proses analisis *EFA* seperti nilai *extraction* kurang daripada .500 dan berdasarkan analisis ujian *Rotated Component Matrix (RCM)* menggunakan *Varimax with Kaiser Normalization*. Bagi variabel pengurusan PdP sebanyak lapan item telah digugurkan dan variabel kualiti guru adalah sebanyak sembilan item.

## Dapatan Kajian

### Analisis Data Variabel Pengurusan PdP dan Kualiti Guru

Dalam perbincangan ini analisis yang akan dilakukan adalah berdasarkan objektif dan hipotesis yang telah ditetapkan. Analisis deskriptif dan inferensi diguna pakai dalam mencapai objektif dan andaian-andaian keseluruhan hipotesis kajian. Terdapat lima objektif kajian akan dijawab dan daripada objektif ini tiga andaian hipotesis telah dibina dan juga akan dijawab yang berkesudahan sama ada hipotesis *Nul (Ho)* diterima ataupun ditolak.

## 1. Apakah Tahap Pengurusan PdP Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?

Jadual 1 menunjukkan skor min, taburan kekerapan responden, dan peratus mengikut skala likert yang telah dipilih oleh setiap responden untuk setiap item pengurusan PdP. Hasil kajian mendapati kesemua item (100 peratus) berada pada tahap min yang tinggi. Item yang menyumbang kepada nilai tahap min yang paling tinggi ialah *saya menyediakan rancangan pengajaran harian yang mengandungi objektif pembelajaran* (PPdP2=4.637, SP=.562) dan yang paling rendah ialah *menggunakan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang perlu diterapkan dalam pengajaran* (PPdP14=3.821, SP=.703). Secara keseluruhannya, tahap min untuk variabel ini berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.052. Ini membuktikan bahawa kesemua responden kajian cenderung memiliki pengurusan PdP dalam profesion yang lebih baik.

Jadual 1 Skor Min dan Sisihan Piawai Item Pengurusan PdP (PPdP)

Penyataan/ Item	Min	SP	Tahap Min
PPdP1	4.579	.598	Tinggi
PPdP2	4.637	.562	Tinggi
PPdP3	4.295	.691	Tinggi
PPdP4	3.916	.693	Tinggi
PPdP5	4.216	.684	Tinggi
PPdP6	4.061	.753	Tinggi
PPdP7	4.216	.687	Tinggi
PPdP8	4.076	.782	Tinggi
PPdP9	4.311	.691	Tinggi
PPdP10	3.897	.769	Tinggi
PPdP11	3.908	.733	Tinggi
PPdP12	4.018	.714	Tinggi
PPdP13	4.087	.696	Tinggi
PPdP14	3.821	.703	Tinggi
PPdP15	4.153	.684	Tinggi
PPdP16	4.171	.674	Tinggi
PPdP17	4.205	.637	Tinggi
PPdP18	4.161	.702	Tinggi
PPdP19	3.966	.707	Tinggi
PPdP20	4.097	.744	Tinggi
PPdP21	4.066	.711	Tinggi
Keseluruhan	4.052		Tinggi

## 2. Apakah Tahap Kualiti Guru Sekolah Rendah Luar Bandar di Negeri Sabah?

Manakala, Jadual 2 menunjukkan skor min atau pun taburan kekerapan responden bagi variabel bersandar kualiti guru untuk setiap item. Daripada 26 item KG kesemua item (100 peratus) memperoleh tahap min yang tinggi. Item tertinggi ialah *saya mengamalkan konsep pendidikan sepanjang hayat* (KG16=4.584, SP=.543), min item yang terendah ialah (KG11=3.726).

SP=.629). Interpretasi daripada dapatan ialah 100 peratus responden mempunyai KG yang tinggi. Maka jawapan bagi persoalan kajian menunjukkan variabel kualiti guru sekolah rendah luar bandar di Sabah berada pada tahap min yang tinggi iaitu 4.111. Ini bermaksud guru cenderung ke arah guru yang berkualiti.

Jadual 2: Skor Min Item Kualiti Guru (KG)

Penyataan / Item	Min	SP	Tahap Min
KG1	3.892	.532	Tinggi
KG2	3.884	.541	Tinggi
KG3	4.092	.464	Tinggi
KG4	4.142	.516	Tinggi
KG5	4.089	.546	Tinggi
KG6	4.055	.557	Tinggi
KG7	4.266	.517	Tinggi
KG8	4.055	.638	Tinggi
KG9	3.934	.618	Tinggi
KG10	3.884	.610	Tinggi
KG11	3.726	.629	Tinggi
KG12	4.045	.569	Tinggi
KG13	4.068	.564	Tinggi
KG14	4.016	.570	Tinggi
KG15	4.042	.585	Tinggi
KG16	4.584	.543	Tinggi
KG17	4.458	.563	Tinggi
KG18	4.463	.520	Tinggi
KG19	4.189	.586	Tinggi
KG20	3.882	.535	Tinggi
KG21	4.305	.667	Tinggi
KG22	4.253	.597	Tinggi
KG23	3.961	.620	Tinggi
KG24	4.292	.729	Tinggi
KG25	4.284	.551	Tinggi
KG26	4.389	.602	Tinggi
Keseluruhan	4.111		Tinggi

## Analisis Perbezaan Skor Min Variabel Pengurusan PdP dan Kualiti Guru

Kajian ini bertujuan melihat perbezaan skor min pengurusan PdP dengan kualiti guru berdasarkan ciri demografi iaitu jantina. Hipotesis  $H_{01}$  seperti yang dinyatakan dalam hipotesis kajian diuji menggunakan kaedah statistik Ujian- $t$  sampel bebas yang ditetapkan pada aras  $p < .05$  untuk menentukan nilai signifikan.



## Analisis Ujian-t Skor Min Pengurusan PdP berdasarkan Jantina Responden

$H_{01}$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pengurusan PdP berdasarkan jantina. Bagi menguji hipotesis  $H_{01}$ , analisis yang digunakan iaitu Ujian-t sampel bebas bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan atau tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan PdP berdasarkan jantina.

Jadual 3: Skor Min PPdP Berdasarkan Jantina Responden n=380

Demografi		N	Min	t	df	Sig.
Jantina	Lelaki	187	4.049	-.090	378	0.564
	Perempuan	193	4.054			

\*Signifikan pada aras  $p < 0.05$  (2-Hujung)

Berdasarkan Jadual 3 memperlihatkan analisis perbezaan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam melaksanakan pengurusan PdP mereka. Daripada sejumlah 187 orang responden lelaki telah memperolehi nilai min 4.049 dan perempuan 193 orang pada min 4.054 dengan nilai  $t = -.090$  dan darjah kebebasan  $df = 378$ . Analisis mendapati bahawa nilai signifikan yang diperolehi iaitu  $p = 0.564$  ( $p > .05$ ). Bermaksud  $H_{01}$  gagal ditolak iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan pengurusan PdP berdasarkan jantina.

- Keputusan Analisis Hubungan antara Pengurusan PdP (PPdP) dengan Kualiti Guru (KG)

$H_{02}$  Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan PdP dengan kualiti guru.

Jadual 4: Hubungan antara PPdP dengan KG

Variabel		KG
PPdP	Korelasi <i>Pearson</i>	.500
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	380

\*Signifikan pada aras  $p < 0.01$  (2-Hujung)

Berdasarkan Jadual 4 tertera hubungan dan tahap hubungan antara variabel kajian pengurusan PdP dengan kualiti guru bagi sampel kajian  $n = 380$ . Keputusan signifikan yang diperolehi ialah pada nilai  $r = .500$  iaitu ( $r < .05$ ). PPdP mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan nilai pekali korelasi  $r = .500$  dengan KG,  $Sig. (2-tailed) = .000$  ( $p < .01$ ). Dalam perhubungan positif ini semakin tinggi nilai variabel PPdP, semakin tinggi nilai variabel KG. Maka dengan dinilai  $r = .000$  ( $r < .05$ ), maka  $H_{02}$  ditolak yang membawa maksud terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan PdP dengan kualiti guru sekolah rendah luar bandar di Sabah.

## 2. Keputusan Analisis Regresi Pengurusan PdP Guru terhadap Kualiti Guru

$H_{03}$  Tidak terdapat pengaruh yang signifikan pengurusan PdP terhadap kualiti guru.

Berdasarkan analisis regresi yang dilakukan, dapatan menunjukkan wujud perubahan dalam variabel PPdP sebagai peramal yang akan menyumbang kepada perubahan variabel kriteria KG. Model regresi yang digunakan adalah pada aras signifikan  $p < .05$ . Pengkaji telah menggunakan kaedah *Enter* untuk menentukan kekuatan variabel peramal dan variabel kriteria kajian. Analisis regresi dapat dilihat melalui Model *Summary* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Pekali Regresi PPdP terhadap KG

Variabel	Model	$R$	$R^2$	$p$
Regresi	PPdP	.116	.132	.000

Keputusan analisis regresi pada Jadual 5 menunjukkan bahawa saiz sampel ( $n=380$ ), skor pengurusan PdP merupakan peramal signifikan pada darjah 95 peratus dan mempunyai pengaruh terhadap KG. Ini jelas menyatakan bahawa model resresi linear yang disesuaikan sangat bererti pada aras keertian kurang daripada lima peratus merupakan penyumbang kepada KG iaitu sebanyak 13.2 peratus ( $r=.116$ ). Nilai yang dihasilkan bermaksud perubahan PPdP akan menyebabkan perubahan kepada KG sebanyak 11.6 peratus. Selebihnya iaitu 88.4 peratus kualiti guru ditentukan oleh faktor-faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini. Daripada interpretasi berikut nilai  $p=.000$  lebih kecil daripada  $\alpha=.01$  bagi variabel PPdP maka menunjukkan  $H_{03}$ , iaitu terdapat pengaruh yang signifikan secara linear pengurusan PdP terhadap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah.

## Perbincangan Dapatan Kajian

Pengurusan PdP merupakan variabel yang menjadi kayu ukur dalam perbincangan mengenai kualiti guru. Hal ini telah dikupas secara mendalam oleh pelbagai pihak yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan sistem pendidikan. Perubahan yang dinamik dalam sistem pendidikan di seluruh dunia memaksa pihak kementerian untuk terus optimis memperbaiki kualiti guru agar setanding dengan negara maju yang lain khususnya dalam bidang pendidikan. Kebangkitan seumpama ini mendorong kajian diketengahkan dan menjadikan guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah dijadikan sebagai populasi kajian. Pemilihan mereka adalah bersesuaian memandangkan kumpulan ini memiliki persamaan ciri antara satu dengan yang lain.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji berjaya menemukan bukti empirikal bagi menyokong andaian awal bahawa variabel yang diukur adalah peramal kepada kualiti guru. Pada peringkat ini, data kajian yang mengkhusus kepada guru sekolah luar bandar di negeri Sabah berjaya membuktikan bahawa perkembangan dan penguasaan di dalam amalan pengurusan sangat membantu dalam meningkatkan kualiti guru. Justeru dalam perbincangan

ini, pengkaji akan membuat kupasan yang lebih terperinci berkaitan data empirikal kajian yang diperoleh selaras objektif utama kajian.

### 1. Tahap Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan analisis deskriptif, pengurusan PdP memperoleh nilai min yang tinggi. Kewujudan subkonstruk PPdP iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran ini ibarat 'aur dengan tebing' yang tidak dapat dipisahkan. Ini kerana dalam bidang pendidikan sama ada konvensional atau pun moden, sekolah luar bandar mahu pun bandar tetap memerlukan pengurusan PdP sebagai tulang belakang dalam proses PdP. Kelainan mungkin wujud dari segi konsep pengurusan PdP itu sahaja. Berdasarkan kajian Terence, 2008; Hollins, 2011 dan Neila *et al.* 2012 menyatakan pengurusan pengajaran itu berkait rapat dengan perancangan dan pedagogi ke arah mewujudkan guru berkualiti. Begitu juga dengan sumber literatur yang lain, mendapati bahawa belum wujud gabungan subkonstruk perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran digabungkan sekali menjadi satu variabel bebas untuk dikaji.

Walaupun begitu, kekurangan ini memberi laluan kepada kajian untuk mengetengahkan intipati idea dan cadangan berdasarkan penemuan baharu dalam bidang ini. Di akhir kajian mendapati tahap pengurusan PdP berada pada tahap yang tinggi daripada responden. Penetapan tahap untuk semua variabel kajian adalah berdasarkan nilai purata terkumpul dengan menggunakan jadual indeks tahap pengurusan PdP yang dicadangkan oleh Sanger *et al.* (2007). Dapatan membuktikan bahawa guru sekolah rendah luar bandar berjaya melaksanakan pengurusan PdP berkonsepkan pembelajaran abad ke-21 dengan lebih berkesan. Dapatan ini turut diakui oleh Nurul Huda & Azlin (2017) dalam kajian mereka memperolehi tahap tinggi berkaitan amalan profesionalisme guru yang terdiri daripada kaedah penyampaian, penggunaan sumber, pengurusan kelas, penglibatan murid, hasil kerja murid, dan penilaian mendapati guru di luar bandar turut sama melaksanakan pengajaran mengikut standard pendidikan negara.

Hasil dapatan kajian mengesahkan pengurusan PdP mengikut subkonstruk telah memenuhi keperluan seperti yang ditekankan dalam Model Slavin (1994) dan Model SGM (2009) khususnya dalam kalangan guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah. Turut menekankan bahawa antara intipati dalam menghasilkan output yang berjaya memerlukan pelbagai proses antaranya mengurus perancangan pengajaran, mempelbagaikan kaedah pengajaran, mempelbagaikan sistem penilaian termasuklah kualiti guru. Oleh itu, disimpulkan bahawa guru mempunyai amalan yang tinggi dalam mengurus pengajaran mereka khususnya dalam bilik darjah. Dapatan kajian menunjukkan betapa pentingnya kesemua subkonstruk kajian yang hendak dilaksanakan. Selari dengan kajian Ab. Halim & Nik Rahimi (2011) yang menyatakan bahawa persoalan dibangkitkan ialah isu sejauh mana pengurusan pendekatan dan kaedah PdP guru khususnya bagi subjek Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah dapat menarik perhatian murid untuk memahaminya, menilai sendiri, dan seterusnya menghayatinya. Berdasarkan dapatan isu ini telah rungkai dengan teknik pengurusan yang baik khususnya mewujudkan asas kesediaan guru dan kemahiran, penguasaan ilmu pengetahuan, motivasi diri dan meningkatkan personaliti positif.

## 2. Tahap Kualiti Guru

Kajian berkaitan kualiti guru telah dilakukan dan hasilnya mendapati bahawa tahap kualiti guru sekolah rendah luar bandar di Sabah berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan pengukuran yang dibuat, disimpulkan bahawa kualiti guru berada pada tahap yang sangat baik. Analisis maklum balas terhadap subkonstruk mendapati bahawa komitmen guru menghasilkan skor min yang tinggi berbanding kemahiran pengurusan. Situasi ini disumbangkan oleh sikap guru yang sentiasa positif dan mengekalkan semangat serta komitmen terhadap profesion dan murid mereka (Nurul Salmi & Mohd Isha, 2014). Nilai tinggi ini turut disumbangkan oleh rasa hormat guru dan murid sehinggakan mewujudkan perasaan semangat yang tinggi di hati kedua-dua pihak ketika sesi PdP berlangsung (Dinaria, 2018). Komitmen yang tinggi memperlihatkan guru lebih bersedia untuk bekerja keras dalam mencapai matlamat mereka dan tetap bekerja keras (Che Mohd Syaharuddin, 2017).

Penjelasan An Xuehui (2018) berbeza dengan analisis dapatan kajian. Beliau telah menjalankan kajian tinjauan untuk menyelidik gaji guru dan kekurangan guru berkualiti di sekolah rendah dan sekolah menengah luar bandar di China. Tahap dan struktur gaji merupakan faktor yang mempengaruhi pembekalan guru di sekolah, melatih, menarik, dan mengekalkan guru berkualiti tinggi untuk terus berkhidmat di sekolah luar bandar. Didapati bahawa beban tugas yang ditanggung oleh guru luar bandar adalah lebih berbanding guru bandar. Maka, percanggahan gaji dan beban kerja sedikit sebanyak membawa kepada pergerakan guru secara sehala dari sekolah luar bandar ke sekolah bandar yang lebih maju. Situasi ini mempengaruhi tahap kualiti guru khususnya di sekolah luar bandar yang cenderung tidak diminati oleh guru dalam perkhidmatan mereka. Tapi bagi A. Berdashkevich & V. Lasov (2010) masalah yang paling mendesak yang mengganggu pengurusan PdP untuk mencapai kualiti guru adalah dari segi peruntukan. Mereka mengatakan peruntukan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan bahan dan teknikal dalam proses PdP diburukkan lagi dengan kebajikan guru yang tidak dijaga.

## 3. Perbezaan dalam Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran (PPdP) Berdasarkan Jantina

Analisis terhadap sampel menemui wujud perbezaan skor purata yang kecil antara guru lelaki dan guru perempuan dalam pengurusan PdP. Skor purata bagi guru perempuan adalah lebih tinggi berbanding guru lelaki. Situasi ini menjelaskan bahawa guru perempuan memiliki sedikit kelebihan berbanding guru lelaki khususnya melibatkan perubahan sistem pendidikan yang berkonsepkan PAK-21 yang merangkumi perancangan, pelaksanaan dan penilaian pengajaran. Tetapi daripada dapatan ini, ditegaskan juga bahawa guru lelaki turut melakukan PBD yang baik.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian lepas, dapatan ini seiring dengan dapatan Benjamin *et al.* (2011) yang menegaskan bahawa tahap sikap guru perempuan terhadap PPdP adalah tinggi berbanding guru lelaki. Begitu juga dengan dapatan oleh Anupama & Pathy (2014) iaitu guru lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang signifikan dalam sikap mereka terhadap profesion yang melibatkan PPdP serta harga diri. Ini bermaksud guru perempuan mempunyai sikap positif yang cenderung kepada pengurusan kerja mereka ke arah yang lebih baik. Tetapi berbeza dengan dapatan Ghosh & Bairagya (2010) yang mendapati bahawa guru lelaki mempunyai sikap lebih baik berbanding guru perempuan dari segi PPdP.

Dapatan ini juga konsisten dengan penemuan kajian oleh Prema & Chandan (2017) menyokong hasil dapatan kajian dengan mengatakan bahawa persepsi terhadap kecekapan pengurusan PdP mereka adalah dipengaruhi oleh jantina guru khususnya dalam penggunaan *ICT* dalam pengajaran. Guru perempuan dikatakan lebih cenderung dalam memperlihatkan keberkesanan dalam PPdP dengan menggunakan *ICT* dalam bilik darjah. Walhal, situasi ini tidak selaras dengan kajian Hung (2016) yang lebih sinonim mengatakan bahawa guru lelaki lebih cenderung dalam pengurusan PdP yang berkaitan efikasi sendiri yang melibatkan pelbagai bidang termasuklah pengaplikasian pengajaran berkonsepkan PAK-21.

Dapatan ini juga konsisten dengan penemuan kajian oleh Prema & Chandan (2017) menyokong hasil dapatan kajian dengan mengatakan bahawa persepsi terhadap kecekapan pengurusan PdP mereka adalah dipengaruhi oleh jantina guru khususnya dalam penggunaan *ICT* dalam pengajaran. Guru perempuan dikatakan lebih cenderung dalam memperlihatkan keberkesanan dalam PPdP dengan menggunakan *ICT* dalam bilik darjah. Walhal, situasi ini tidak selaras dengan kajian Hung (2016) yang lebih sinonim mengatakan bahawa guru lelaki lebih cenderung dalam pengurusan PdP yang berkaitan efikasi sendiri yang melibatkan pelbagai bidang termasuklah pengaplikasian pengajaran berkonsepkan PAK-21.

#### 4. Hubungan Pengurusan PdP dengan Kualiti Guru

Dalam membincangkan hubungan antara variabel pengurusan PdP dengan kualiti guru, dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang positif secara sederhana. Mengaitkan variabel pengurusan PdP, literatur lepas banyak mengkaji bersandarkan subkonstruk berbeza tetapi bermatlamatkan satu kepentingan yang sama iaitu dengan mempertingkatkan kualiti guru berdasarkan kemahiran pengurusan dan komitmen. Oleh itu, dapatan menjelaskan bahawa pengurusan PdP dalam ketiga-tiga subkonstruk kajian perlu diutamakan dalam menghasilkan guru abad ke-21 yang cemerlang, gemilang, dan terbilang.

Maka, dalam keseluruhan analisis data yang diperolehi mendapati pengurusan PdP yang terdiri daripada tiga subkonstruk iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian turut mempamerkan nilai hubungan yang positif yang sederhana dengan kualiti guru. Pada amatan pengkaji, ketiga-tiga subkonstruk ini perlu ditingkatkan kerana ia merupakan unsur penting dalam mengurus proses pengajaran (Sapie *et al.*, 2014) seperti yang ditekankan dalam Model Kerangka (2007), Model Pengajaran Glaser (1977) dan Model Slavin (1994). Guru yang memiliki wawasan unggul dalam melaksanakan proses pengajaran dengan berkesan sudah pasti akan menghasilkan generasi yang berdaya saing yang memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dapatan ini seiring dengan dapatan Mohd Khairuddin & Halimah (2014) bahawa aspek kepimpinan pengajaran merupakan faktor penting di dalam mengukur kualiti guru bagi mencapai visi sekolah dan memperbaiki pencapaian masing-masing.

Dapatan ini berbeza dengan dapatan yang diperolehi oleh Lee *et al.* (2015) berkaitan penggunaan *ICT* dalam pengajaran bagi subjek Bahasa Inggeris dan Matematik. Penggunaan *ICT* dalam pengajaran dilihat mempunyai hubungan yang positif antara keduanya. Tetapi, guru Bahasa Inggeris lebih serasi kerana komputer secara umumnya digunakan untuk komunikasi. Bertepatan dengan namanya iaitu teknologi maklumat dan komunikasi. Kemahiran pengurusan itu dilihat berjaya kerana murid mampu memperolehi maklumat dari *World Wide Web* dan mengadakan perbincangan secara talian dengan rakan kelas mereka tanpa perlu kewujudan guru

pada ketika itu. Guru subjek Matematik pula menafikan keserasian penggunaan *ICT* untuk semua subjek. Hujah mereka bahawa tidak semua topik dalam sukatan pelajaran sesuai untuk penggunaan *ICT*. Penggunaan hanya relevan untuk manipulatif digital seperti permainan dalam talian untuk asas aritmetik dan kuiz dalam talian.

## 5. Pengaruh Pengurusan PdP terhadap Kualiti Guru

Dalam subtajuk ini, penjelasan lanjut berkaitan kekuatan pengaruh variabel bebas (peramal) kajian iaitu pengurusan PdP terhadap variabel bersandar (kriteria) kualiti guru sekolah rendah luar bandar di negeri Sabah. Hasil analisis dapatan menunjukkan PPdP diterima sebagai peramal terhadap kualiti guru. Oleh itu, kajian menegaskan variabel bebas adalah berpengaruh terhadap kualiti guru. Dapatan ini bertentangan dengan Dan *et al.* (2019) yang menyatakan bahawa wujud faktor lain yang menjadi penyumbang kepada kualiti guru iaitu pengagihan guru perlu disamaratakan antara sekolah bandar dan luar bandar, meminimumkan mobiliti guru dan pengambilan guru yang sistematik. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa guru perlu diberi pelbagai intensif untuk mengekalkan mereka dan agar mereka sentiasa memberi perkhidmatan yang berkualiti. Begitu juga dengan pandangan Joni (2017) yang bertentangan apabila mendapati bahawa kualiti guru langsung tidak dipengaruhi oleh variabel peramal tetapi oleh faktor lain seperti kelayakan akademik, insentif dan banyak lagi.

Dalam kajian Norhidani & Norasmah (2018), PPdP ternyata menjadi peramal terhadap keberkesanan pengajaran. Selain itu, pelaksanaan proses PdP yang diukur iaitu pendekatan didik hibur yang mengandungi unsur kecondan dan fleksibel dalam persekitaran konsusif mampu menjana pemikiran murid. Di samping itu, PPdP seperti ini berupaya mengatasi masalah emosi yang dihadapi oleh murid. Dapatan ini seiring dengan Hill, Rowan & Ball (2015) yang memperoleh bahawa keseluruhan dimensi yang dikaji merupakan peramal kepada kualiti diri dalam proses PdP. Mereka menekankan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru adalah aspek yang tidak boleh dipisahkan. Ini kerana sebelum proses PdP berlaku guru perlu mempunyai kemahiran pengurusan seperti merancang aktiviti, perancangan pengajaran, pengelolaan dan sesi bimbingan. Faizah (2017) menambah, guru perlu mempelbagaikan strategi pengajaran seperti pendekatan, teknik dan kaedah mengajar dan tidak hanya bergantung kepada satu kemahiran sahaja bagi untuk membangkitkan minat murid dalam proses PdP.

## Implikasi dan Cadangan

Hasil dapatan memperlihatkan bahawa asas kerangka konsep kajian yang dibina dapat dibuktikan secara empirikal. Dapatan empirikal ini menunjukkan bahawa variabel kajian pengurusan PdP menyumbang sebahagian kepada kualiti guru. Jadi, penemuan ini secara tidak langsung memberi gambaran kepada pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan untuk membuat penyemakan atau menyesuaikan keperluan dari segi prospek guru bagi melahirkan modal insan kelas pertama di dunia dan akhirat.

Lanjutan daripada keberhasilan ini didapati terdapat penambahbaikan dari segi kualiti guru khususnya di sekolah rendah luar bandar yang didorong oleh faktor pengurusan PdP, pengurusan bilik darjah yang efisien dan personaliti guru yang memenuhi kriteria guru

berwibawa. Bagaimanapun, masih wujud kekhilafan guru dalam menghasilkan kualiti dalam kerja walaupun pada tahap yang rendah. Pihak kementerian perlu mengorak langkah proaktif secara bersepadu bagi mengatasi situasi ini dalam usaha meningkatkan tahap kualiti guru luar bandar. Antara tindakan yang boleh disusun dan dilaksanakan adalah dengan membuat program latihan secara berterusan seperti seminar, bengkel, persidangan dan perbincangan meja bulat yang melibatkan guru berprestasi rendah yang telah dikenal pasti oleh pihak sekolah. Kursus dan latihan yang dianjurkan oleh pihak kementerian berupaya untuk memberi semangat baharu dan membina momentum dalam profesion agar mereka terus berada di hadapan seiring dengan keperluan memartabatkan sistem pendidikan negara yang semakin mencabar.

Menyedari hakikat keperluan terhadap menghasilkan guru berkualiti khususnya dari segi kemahiran pengurusan dan komitmen dalam profesion, pemantauan, penyeliaan, dan pementoran secara berterusan perlu dilakukan. Ini bagi menyiapkan guru untuk terus aktif dan berkeyakinan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka kepada murid. Pada masa yang sama pihak kementerian akan sentiasa memberi input-input baharu yang berkesan dan mesra pendidikan agar tidak menyusahkan pihak yang terlibat khususnya guru sebagai pelaksana. Menyediakan kelengkapan pengajaran yang relevan dan terkini adalah satu keperluan untuk memperoleh sesuatu yang berkualiti seperti komputer riba, LCD dan pelbagai BBB/BBM yang berupaya menghasilkan sesuatu yang positif. Sekatan atau mengurangkan wang perbelanjaan untuk kegunaan murid seperti wang SUWA dan PCG perlu dipertimbangkan semula agar tidak merugikan negara pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, kajian ini berupaya memberikan gambaran awal pengaruh variabel bebas iaitu pengurusan PdP terhadap kualiti guru di sekolah luar bandar di negeri Sabah. Namun secara khususnya beberapa bentuk kajian lanjutan boleh dilakukan oleh pengkaji akan datang seperti meneroka teori dan model sedia ada yang benar-benar meliputi keseluruhan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara tinjauan dan penggunaan soal selidik adalah satu-satunya alat yang digunakan untuk mendapatkan respons responden. Dicadangkan satu kajian lanjutan dilaksanakan menggunakan kaedah kuantitatif yang disokong dengan kaedah kualitatif seperti temu bual mendalam dan pemerhatian penuh terhadap amalan dan pengurusan PdP. Kajian ini melibatkan sekolah luar bandar di negeri Sabah sahaja. Pengkaji mencadangkan kajian ini sebagai langkah awal bagi mengisi jurang kajian-kajian lepas khususnya berkaitan kualiti guru.

## **Kesimpulan**

Kajian yang dijalankan telah memberi maklumat awal kepada dunia pendidikan di negara ini berkaitan kemahiran dan nilai yang diperlukan melalui sistem pendidikan kebangsaan yang mengupayakan pembangunan potensi individu guru secara menyeluruh dan bersepadu. Malah, kefahaman yang jelas mengenai PAK-21 membolehkan guru merancang, mengurus, mengelola dan melaksanakan PdP yang lebih menarik mengikut keperluan pendidikan semasa. Hal ini bertepatan dengan tiga gelombang pembaharuan yang telah diperkenalkan dan kini telah berlangsung pada gelombang ke-2. Harapan daripada dapatan kajian ini agar dapat memberi rangsangan kepada kurikulum sedia ada dengan memastikan semuanya sentiasa relevan dengan keperluan pendidikan. Sekaligus berfungsi sebagai agen perubahan bagi mencapai objektif melahirkan modal insan terbilang dan berketerampilan tinggi. Kajian literatur dan input yang

diberikan ini boleh dipertimbangkan untuk diimplimentasi dalam mentransformasikan kurikulum persekolahan kebangsaan.

## Rujukan

- A. Berdashkevich & V. Vlasov. (2010). Prospects of the development of the rural schools. *Russian Education and Society Journal* 52(11), 59-71.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Rahimi Nik Yusuff. (2011). Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam Ab. Halim & Nik Rahimi. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Halaman 19-37.
- Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2009). Pengaruh Kepimpinan Transformasi Sekolah dan Efikasi Kolektif Guru terhadap Komitmen Kualiti Pengajaran. Pembentangan Kertas Kerja *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-16. 19-23 Julai 2009*. Institut Aminuddin Baki.
- An Xuehui. (2018). Teacher Salaries and the Shortage of High-Quality Teachers in China's Rural Primary and Secondary Schools. *Chinese Education & Society Journal*. 51, 103–116.
- Andrew Skourdoumbis, (2016). *Teacher Quality, Teacher Effectiveness and the Diminishing Returns of Current Education Policy Expressions*. Deakin University Melbourne, Victoria Australia.
- Anupama Bhargava & MK Pathy. (2014). Attitude of Student Teachers Towards Teaching Profession. *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE*. 15(3) Article 3.
- Awwad Othman Abdelaziz Ahmed. (2018). EFL Teachers' and Students' Approaches in Using Teaching Aids: A Case Study. *Arab World English Journal*: 109- 124.
- Azizi Yahya. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Benjamin, A. E. W., Sahayarani, J. & Stanly, L. S. (2011). A Study on Attitude Towards Teaching Profession and Achievement in Teaching Competency. *New Frontiers in Education*. 44 (3), 250-253.
- Celik, S. (2011). Characteristics and Competencies for Teacher Educators: Addressing the Need for Improved Professional Standards in Turkey. *Australian Journal of Teacher Education*. 36(4).
- Che Mohd Syaharuddin Che Cob, Bahyah Abdul Halim & Aziz Amin. (2017). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Kerja dalam Kalangan Penjawat Awam: Satu Kajian Teoritikal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. 4(1), 2289-8042.
- Cherif, A., Overbye, D. & Stefurak, L. (2009). Developing a paradigm for academic leadership development. *The Journal of Higher Education Management*. 24(1), 16-34.
- Cochran-Smith, M. (2008). The New Teacher Education in the United State: Directions Forward. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*. 14(4), 217-282.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2001). *Research Methods in Education (5<sup>th</sup> Ed.)*. London: Routledge Falmer.
- Crosswell, J.W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4th ed.)*. Boston: Pearson.
- Crosby, P. B. (1979). *Quality Is Free*. McGraw-Hill, New York.



- Dan Goldhaber, Vanessa Quince and Roddy Theobald. 2019. *Teacher Quality Gaps in U.S. Public Schools: Trends, Sources, and Implications*. Educational Resources and Equity.
- Darling-Hammond, L. (2017). *Recognizing and Enhancing Teacher Effectiveness: A Policymaker's Guide*. Washington, DC: Council of Chief State Schools Officers.
- Deming, E. W. (1986). *Quality, Production and Competitive Position*. Boston: MIT Centre for Advanced Engineering Study, 21.
- Devid A. Garvin. (1998). *Managing Quality: The Strategic and Competitive Edge*. Simon and Schuster. Harvard Business School.
- Dinaria br Sembiring. (2018). Pengaruh Sikap Kerja dan Motivasi Kerja terhadap Kinerja Dosen di Yayasan Perguruan Nasional Medicom. *Jurnal Teknik Informatika Unika St. Thomas*. Vol. 3 (2), 108-118.
- Elaine M. Silva Mangiante. (2010). Teachers Matter: Measures of Teacher Effectiveness in Low-Income Minority Schools. *Educe Asser Eval Ace*. 23:41–63.
- Faizah Ja'apar. (2017). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Pontian. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.
- Ghosh, S. & Bairgya, S. (2010). Attitude of Secondary School Teachers Towards Teaching Profession in Relation to Some Demographic Variables. *Education Search*. 1(1), 55-58.
- Gross, P. A. (2012). Challenges of Literacy Coaching in High School. *Educational Forum*. 76 (2), 201–215.
- Habibah @ Artini Ramlie. (2017). Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyah'. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Hallinger, P. (2010). Making Education Reform Happen: Is There An 'Asian' Way? *School Leadership and Management*. 30 (5), 401-419.
- Hasnida Ghazali & Effendi. (2010). *Perkembangan Profesional ke Arah Pembangunan Modal Insan Guru*. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hill, H.C., Rowan, B., & Ball, D.L. (2015). Effects of Teachers' Mathematical Knowledge for Teaching on Student Achievement. *American Educational Research Journal*. 42(2), 371-406.
- Hollins, Etta R, (2011). Teacher Preparation for Quality Teaching. *Journal of Teacher Education*. 62 (4), 395-407.
- Hung, M. L. (2016). Teacher Readiness for Online Learning: Scale Development and Teacher Perceptions. *Computers & Education*. 94, 120-133.
- Joni S. Kolman. (2017). *Situated Teacher Quality: A Case Study of an Experienced Elementary School Teacher*. *Pedagogy, Culture and Society*. 25(4), 501–514.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noratikah Ibrahim, & Mohd Faez Ilias. (2012). *Gaya Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam.
- Kartini Abdul Mutalib, Badariah Hashim & Ahamad Shabudin Yahaya. (2010). Science Process Skills Knowledge and Attitude among Primary School Science Teachers in Daerah Manjung Perak. A Pilot Study. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*. 2, 26-38.

- Lee Yong Tay, Cher Ping Lim, & Siew Khiaw Lim. (2015). Differences in ICT Usage Across Subject Areas: A Case of an Elementary School in Singapore. *Journal of Educational Computing Research*. 53(1) 75–94.
- Lin, R. L., Xie, J. C., Jeng, Y. C., & Huang, S. H. (2010). The Relationship Between Teacher Quality and Teaching Effectiveness. Perceived by Students from Industrial Vocational High Schools. *Asian Journal of Arts and Sciences*. 1(2): 167-187.
- Michael Sheridan. (2018). Genius Loci: Introducing a Place-conscious Approach to Management Education. *e-Journal of Business Education & Scholarship of Teaching*. Vol. 12 (2), 63-77.
- Danielson, C. (2007). *Enhancing Professional Practice: A Framework for Teaching*. Alexandria, VA: ASCD.
- Slavin, R. (1994). *A Theory of School and Classroom Organization*. dalam R. Slavin, (Ed.), *School and Classroom Organization*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Mohd Amin Mohd Noh, Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Muhammad Syakir Sulaiman & Murihah Abdullah. (2016). Inisiatif dan Usaha Guru dalam Meningkatkan Pengetahuan Semasa Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *Journal of Social Sciences and Humanities* 3, 133-144.
- Baharom Mohamad. (2008). *Psikologi Pendidikan dalam PTV*. Cetakan Pertama. Johor. UTHM.
- Mohd Khairuddin Abdullah & Halimah Laji. (2014). Kepimpinan Pengajaran dan Sikap Guru Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(1): 1-13.
- Monica Elena Mincu. (2015). Teacher Quality and School Improvement: What Is the Role of Research? *Oxford Review of Education*. 41(2), 253–269.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). Model Program Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(2), 1-16.
- Nadzri & Nor Fadilah. (2017). Kualiti Amalan Guru dan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di MRSM. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Neila Ramdhanian, Djameludin Ancokb, Yuliardi Swasonob, Peno Suryantob. (2012). Teacher Quality Improvement Program: Empowering Teachers to Increasing A Quality of Indonesian's Education. *Procedia Social and Behavioural Sciences*. 69, 1836-1841.
- Ling Chiew Jung & Norasmah Othman. (2018). Amalan Penyeliaan dan Hubungannya dalam Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru. *International Journal of Education*. 3(22), 28-48.
- Nurahimah Mohd Yusoff & Rafisah Osman. (2010). Hubungan Kualiti Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah dengan Efikasi Guru. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 25, 53-71.
- Nurul Huda Ab. Rahman & Azlin Norhaini Mansor. (2017). Tahap Amalan Guru Besar serta Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*. 13(3), 65-74.
- Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 4(2), 44-56.

- Prema Basargekar & Chandan Singhavi K. J. (2017). Factors Affecting Teachers' Perceived Proficiency in Using ICT in the Classroom. *IAFOR Journal of Education*. 5 (2).
- Quah, S. C. (2011). Instructional Leadership Among Principals of Secondary Schools in Malaysia. *International Research Journals*. 1784–1800.
- Raedah Binti Md Amin. (2013). Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah Rendah Kebangsaan di Zon Bandar Daerah Kota Tinggi. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Sanger, D., Spliker, A., Williams, N., & Belau, D. (2007). Opinion of Female Juvenile Delinquents on Communications, Learning dan Violence. *Journal of Correctional Education*. 58(1), 69-92.
- Santrock J.W. (2006). *Educational Psychology: A Tool for Effective Teaching (3rd ed)*. New York: Mc Graw–Hill.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din & Rekkeman Kusut. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis : Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pendidikan*. 1(2): 1-14.
- Taylor, B. M., Pearson, D., Clark, K., & Walpole, S. (2009). Effective Schools, Accomplished Teachers. *Journal of Literacy Research*. 53 (2), 813-818.
- Terence Lovat and Neville Clement. (2008). Quality Teaching and Values Education: Coalescing for Effective Learning. *Journal of Moral Education*. 37(1), 1-16.
- Trianto. 2009. *Mendesain Model Pembelajaran Inovatif, Progresif, Konsep, Landasan dan Implementasinya pada Kurikulum KTSP*. Jakarta: Kencana.
- Wang Jiayi, Li Ying. (2009). Research on the Teaching Quality of Compulsory Education in China's West Rural Schools. *Front. Frontiers of Education China Journal*. 4(1), 66-93.
- Zamalia Mahmud. (2009). *Handbook of Research Methodology: A Simplified Version*. Shah Alam: University Publication Centre (UPENA) UTM.